



GARIS PANDUAN PENULISAN

JURNAL YADIM

“INTERNATIONAL JOURNAL OF ISLAM AND CONTEMPORARY AFFAIRS”

1.0 PENGENALAN

1.1 JURNAL YADIM “International Journal Of Islam And Contemporary Affairs” (E-ISSN 2785-8898) adalah jurnal akademik antarabangsa yang dirujuk dan boleh diakses secara dalam talian. Ia pertama kali diterbitkan pada tahun 2021. JURNAL YADIM diterbitkan dua kali setahun pada bulan Jun dan Disember oleh YADIM Research Management Centre (YRMC). Pemeriksa-pemeriksa dilantik daripada sumber luar, tidak berkaitan dengan Pejabat Editorial.

1.2 JURNAL YADIM menerbitkan artikel penyelidikan, dan ulasan buku di bawah tema yang berkaitan dengan isu dakwah, pentadbiran hal ehwal Islam dan masyarakat. Ia merangkumi isu dan topik berkaitan dengan (tetapi tidak terhad kepada) ekonomi, kewangan, sosio-budaya, psikologi, sejarah, undang-undang, alam sekitar, media teknologi, kesihatan dan lain-lain yang dibincangkan secara teori, saintifik dan praktikal dari perspektif dakwah terutamanya dari rantau Asia Tenggara dan seluruh dunia.

1.3 JURNAL YADIM bertujuan untuk menyediakan platform bagi ahli akademik dan profesional untuk menulis, berbincang, dan memperkenalkan analisis, konsep, dan idea baru yang melibatkan isu-isu berkaitan dengan dakwah dan ajaran Islam.

1.4 JURNAL YADIM dimiliki, dibiayai dan dikendalikan oleh Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM), dan hak cipta adalah milik YADIM.

2.0 PANDUAN PENULISAN & PROSEDUR PENYERAHAN ARTIKEL

2.1 JURNAL YADIM menerbitkan artikel dalam Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, atau Bahasa Arab. Tiada caj penerbitan artikel.

2.2 Artikel yang diserahkan hendaklah karya asli yang belum pernah diterbitkan atau dalam pertimbangan oleh mana-mana penerbitan lain.

2.3 Setiap artikel hendaklah mesti mematuhi memenuhi syarat berikut:

- Program : *Microsoft Word*
- Jenis *font* (Rumi) : *Times New Roman*
- Jenis *font* (Arab) : *Traditional Arabic*
- Saiz *font* (Rumi) : 12
- Saiz *font* (Arab) : 16
- Jarak baris teks : 1.5
- Sistem transliterasi : Dewan Bahasa Dan Pustaka – lihat

LAMPIRAN A

2.4 Artikel yang **ditulis 4000 - 6000 patah perkataan (tidak termasuk Abstrak dan Rujukan).**

2.5 Perkataan selain daripada bahasa Melayu hendaklah dicondongkan (*italic*).

2.6 Pembahagian artikel mesti mengandungi Pengenalan, Objektif Kajian, Metodologi, Analisis dan Perbincangan, Kesimpulan, Penghargaan dan Rujukan.

2.7 Semua penghantaran artikel adalah melalui sistem *Open Journal System* (OJS). Penghantaran melalui e-mel adalah tidak diterima.

3.0 ABSTRAK

3.1 Setiap artikel mesti disertakan bersama Abstrak. Artikel bahasa Melayu dan bahasa Arab mestilah disertakan dengan Abstrak dan tajuk dalam bahasa Inggeris.

3.2 Abstrak hendaklah mengandungi **tidak kurang daripada 150 dan tidak lebih daripada 200 patah perkataan.**

3.3 Abstrak hendaklah bersifat penjelasan dan mengandungi pengenalan, masalah kajian, objektif kajian, metodologi dan hasil utama kajian.

3.4 Kata kunci perlu dinyatakan selepas setiap abstrak. **Minimum 5 kata kunci dan tidak melebihi daripada 7 kata kunci.**

4.0 TAJUK DAN SUB-TAJUK

4.1 Tajuk (sub-tajuk termasuk kandungan) mestilah menggunakan font jenis *Times New Roman*, saiz font 12. Bagi artikel dalam bahasa Arab, font yang digunakan mestilah *Traditional Arab*, dan saiz font 16.

4.2 Tajuk dan sub-tajuk mestilah menggunakan “title case”, dan ditebalkan (*bold*).

4.3 Artikel dalam bahasa Melayu dan bahasa Arab mesti disertakan dengan **tajuk dan sub-tajuk dalam bahasa Inggeris.**

5.0 SISTEM NOMBOR

5.1 Sistem nombor adalah seperti yang berikut:

Item peringkat pertama:

- 1.
- 2.

Item peringkat kedua:

- a.
- b.

Item peringkat ketiga:

- i.
- ii.

Item peringkat keempat:

- a)
- b)

6.0 PENGHARGAAN

Penghargaan kepada Individu/Institusi/Badan Bukan Kerajaan atau yang berkaitan bagi geran, sumbangan dana kajian, data dan lain-lain dari pihak yang berkepentingan dalam perlaksaan kajian penyelidikan perlu dinyatakan. **Penghargaan selepas kesimpulan.**

7.0FORMAT RUJUKAN

7.1 Penulisan rujukan (termasuk nota kaki) mesti mengikut garis panduan **American Psychological Association (APA) Edisi ke-7**. Gaya rujukan yang digunakan mesti konsisten pada semua bahagian artikel. Pautan : <http://www.apastyle.org/>

7.2 Satu senarai rujukan yang disusun mengikut abjad hendaklah dimasukkan pada bahagian akhir artikel. Kesemua rujukan yang dirujuk dalam teks mestilah terdapat dalam senarai rujukan. Para penulis bertanggungjawab memastikan ketepatan dan kesempurnaan maklumat dalam senarai rujukan.

7.3 Rujukan dalam teks dan senarai rujukan bagi makalah bahasa Arab hendaklah ditulis menggunakan **Huruf Roman** dan mengikut panduan transliterasi Arab-Melayu Dewan Bahasa Dan Pustaka, seperti di lampiran.
<https://lamanweb.dbp.gov.my/3d-flip-book/panduan-transliterasi-huruf-arab-ke-huruf-rumi/>

7.4 Nota kaki tidak digalakkan. Sekiranya perlu sila gunakan seminimum yang mungkin dan letakkan sebagai nota hujung di akhir karya dengan tulisan angka secara sistematis

8.0RUJUKAN KEPADA AL-QURAN

8.1 Semua ayat al-Quran hendaklah ditulis dalam *Rasm al-Uthmani* dengan font Traditional Arabic, saiz 16 berserta terjemahannya. Butiran rujukan adalah seperti yang berikut;

- a. **Nama surah**, koma **Nombor surah**, titik bertindih **Bilangan ayat**, koma

8.2 Penulis hendaklah menjelaskan sumber terjemahan ayat al-Quran dalam senarai rujukan sekali sahaja pada catatan pertama terjemahan. Sekiranya terjemahan al-Quran pada ayat berikutnya adalah berbeza daripada sumber pertama, penulis hendaklah menyatakan sumber terjemahan yang digunakan.

8.3 Semua terjemahan ayat al-Quran dalam tulisan ini adalah berdasarkan karya Abdullah Basmeih. (1987). *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur, Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, ed. dua belas.

9.0 RUJUKAN KEPADA HADIS

9.1 Butiran rujukan adalah seperti yang berikut:

- a. **Nama pengarang**, koma **Tahun**, koma **Kitab** (**ditulis dengan italic**), koma **Bab**, koma **Nombor hadis**, koma **Penerbit**, koma **Jilid**, koma **Halaman**, noktah

Contoh :

Al-Bukhari, Abu Abdullah Muhammad b. Ismail. (1992). *Sahih al-Bukhari*. Bab Bani Israel. 3202. Dar al-Kutub al-'Ilmiah, Jilid 1.hlmn. 2656

Contoh:

...berdasarkan hadis Nabi (SAW):

قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: "بلغوا عنِي ولو أية.."

Maksudnya:

Sampaikan dari aku kepada sesiapa walaupun satu ayat ...

9.2 Penulis juga hendaklah menjelaskan sumber terjemahan hadis sama ada dipetik dari buku terjemahan atau hasil terjemahan penulis sendiri.

9.3 Semua terjemahan hadis dalam tulisan ini dihasilkan oleh penulis sendiri kecuali jika dinyatakan sebaliknya

10.0 CARA PENGHANTARAN ARTIKEL ATAS TALIAN (*OPEN JOURNAL SYSTEM*)

10.1 Penulis dinasihatkan agar membaca dan memahami garis panduan penulisan sebelum menghantar artikel. Sila rujuk peraturan di bawah untuk memudahkan penghantaran artikel untuk dipertimbangkan:

- i. Penulis hendaklah mendaftarkan diri sebagai penulis dalam *Open Journal System (OJS)* di laman sesawang Jurnal YADIM
- ii. Penulis akan menerima password sementara yang boleh ditukar oleh penulis kelak.
- iii. Artikel perlu dihantar dalam dokumen berasingan yang mengandungi tajuk (*title page*), nama pengarang, afiliasi penulis dan penulis penghubung (*corresponding author*). Sila muat naik dokumen berasingan untuk tujuan ini.
- iv. Penulis diminta menghantar biografi ringkas (*single spacing*) seperti nama, jawatan/pasca siswazah, alamat institusi, bidang kepakaran/pengajian dan email.
- v. Artikel hendaklah dihantar dalam satu fail sahaja yang merangkumi jadual, rajah dan teks.

- vi. Manuskrip mestilah dalam format *Microsoft Word* sahaja. Fail PDF atau bentuk format yang lain tidak akan diterima.
- vii. Artikel yang dihantar hendaklah tidak mengandungi nama penulis dan institusi penulis (*double blind peer reviewed*).
- viii. Jika penghantaran berjaya, penyumbang akan menerima maklum balas secara automatik dalam masa beberapa minit selepas artikel dihantar.
- ix. Sekiranya penyumbang tidak menerima mesej pengesahan selepas penghantaran, sila cuba sekali lagi.
- x. Penyumbang tidak perlu menghantar e-mel untuk memohon kami mengesahkan penghantaran artikel.
- xi. Penyumbang dilarang daripada menghantar artikel yang sama beberapa kali setelah menerima mesej pengesahan daripada pihak YADIM.

11.0 PROSES PENILAIAN

- 11.1 Setiap artikel akan dinilai oleh dua (2) orang penilai/pewasit yang berpengalaman serta pakar dalam bidang berkaitan.
- 11.2 Setiap artikel akan dinilai berasaskan kesesuaianya dengan tema Jurnal YADIM, sumbangan kepada disiplin ilmu, kejituhan, analisis, persempahan yang jelas, kesempurnaan teknikal dan bahasa.

12.0 PENERIMAAN ARTIKEL

- 12.1 Penulis akan dihubungi secara e-mel oleh pihak Editor Jurnal YADIM bagi artikel yang diterima dan akan diterbitkan dalam tempoh enam (6) bulan.
- 12.2 Adalah tanggungjawab penulis untuk menyemak semula artikel yang sudah dinilai untuk membuat penambahbaikan sebagaimana komen penilai.
- 12.3 Selesai penambahbaikan, penulis hendaklah menghantar semula artikel yang sudah diperbaiki melalui *Open Journal System (OJS)* juga. Penulis tidak dibenarkan menghantar pembaikian melalui e-mel. Hantaran melalui e-mel tidak akan diterima.
- 12.4 Setiap perubahan yang dilakukan dalam teks mestilah ditandai dengan teks **berwarna merah** bagi memudahkan pihak editor mengesan penambahbaikan yang dilakukan oleh penulis.
- 12.5 Pihak Editor Jurnal YADIM akan memaklumkan kepada penulis sekiranya artikel ditolak.

13.0 POLISI JURNAL YADIM

- 13.1 Artikel yang diterima untuk penerbitan di dalam Jurnal YADIM akan menjadi hakcipta YADIM, namun ianya boleh disiar atau dicetak dengan memberi penghargaan atau makluman bahawa artikel tersebut diterbitkan di dalam Jurnal YADIM.
- 13.2 Artikel yang diterbitkan tidak melambangkan atau mewakili pegangan atau pandangan Lembaga Penasihat, Sidang Editorial, Jawatankuasa Bersekutu Penerbitan Dalam dan Luar Negara, pasukan pengurusan Jurnal YADIM dan penerbit.

14.0 MAKLUMAT LANJUT

14.1 Penerangan dan maklumat boleh diperolehi dengan menghubungi e-mel berikut :
jurnalyadim@yadim.com.my

14.2 Any inquiries can be directed to

Dr. Masitah Esa : 03-8870 3870

LAMPIRAN A
Panduan Transliterasi Arab-Melayu

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
ا	-	سَأْلٌ	sa'ala
ب	b	بَدْلٌ	badala
ت	t	تَمْرٌ	tamr
ث	th	ثُورَةٌ	thawrah
ج	j	جَمَالٌ	jamal
ح	h	حَدِيثٌ	hadatha
خ	kh	خَالِدٌ	khalid
د	d	دِيَوَانٌ	diwān
ذ	dh	ذَهَابٌ	dhahaba
ر	r	رَحْمَنٌ	rahman
ز	z	زَمْزَامٌ	zamzam
س	s	سَرَابٌ	sarab
ش	sh	شَمْسٌ	shams
ص	ṣ	صَبْرٌ	ṣabr
ض	ḍ	ضَمِيرٌ	ḍimir

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
ط	ṭ	طاهر	ṭahir
ظ	ẓ	ظهر	zuhr
ع	‘	عبد	‘abd
غ	gh	غيب	ghayb
ف	f	فقه	fiqh
ق	q	قاضي	qadi
ك	k	كأس	ka’s
ل	l	لبن	laban
م	m	مزمار	Mizmar
ن	n	نوم	nawm
ه	h	هبط	habata
و	w	وصل	wasala
ء	‘	سؤال	sa’ala
ي	y	يسار	yasar
ة	ṭ	الرسالة	risālat

Nota : kemaskini format JURNAL YADIM 1 Jun 2024

